



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1478**

**AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
(PINDAAN) 2015**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 30 Disember 2014

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 5 Januari 2015

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta A1478

### AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (PINDAAN) 2015

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2015.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa bahagian yang berlainan atau peruntukan yang berlainan dalam Akta ini.

#### **Pindaan seksyen 2**

2. Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 [*Akta 614*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “anggota” takrif yang berikut:

‘ “entiti perniagaan” ertinya—

(a) dalam hal Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*], mana-mana pemilik tunggal atau perkongsian;

(b) dalam hal Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*], syarikat, perbadanan atau syarikat asing; dan

(c) dalam hal Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012 [*Akta 743*], perkongsian liabiliti terhadap atau perkongsian liabiliti terhadap asing;

“dokumen” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*];’;

(b) dengan menggantikan takrif “Menteri” dengan takrif yang berikut:

‘ “Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendaftaran syarikat, syarikat amanah, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhadap;’;

(c) dengan memasukkan selepas takrif “Menteri” takrif yang berikut:

‘ “Pendaftar” ertinya Pendaftar yang ditetapkan di bawah subseksyen 20A(1);’; dan

(d) dengan memasukkan selepas takrif “perbadanan” takrif yang berikut:

‘ “perkongsian liabiliti terhadap” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Perkongsian Liabiliti Terhadap 2012;’.

### **Penggantian seksyen 6**

**3.** Akta ini dipinda dengan menggantikan seksyen 6 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Keanggotaan Suruhanjaya**

**6.** (1) Suruhanjaya hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(a) seorang Pengerusi;

(b) Ketua Pegawai Eksekutif;

- (c) tidak lebih daripada tiga orang daripada perkhidmatan awam; dan
- (d) tidak lebih daripada empat orang yang merupakan orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*] atau orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang berkaitan dalam perkara komersial atau syarikat.

(2) Menteri boleh melantik mana-mana anggota Suruhanjaya, selain Ketua Pegawai Eksekutif, untuk bertindak sebagai pemangku Pengerusi bagi tempoh apabila—

- (a) jawatan Pengerusi kosong;
- (b) Pengerusi tidak hadir melaksanakan kewajibannya atau tiada di Malaysia; atau
- (c) Pengerusi, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.”.

### **Pindaan seksyen 9**

4. Perenggan 9(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “dan dijatuhkan hukuman” dengan perkataan “yang boleh dihukum dengan”.

### **Penggantian seksyen 11**

5. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 11 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif**

11. (1) Menteri hendaklah melantik mana-mana orang sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya atas terma dan syarat yang ditentukannya dan boleh membatalkan pelantikan mana-mana orang yang dilantik sedemikian.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) orang berkelayakan sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976; atau

(b) mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang berkaitan dalam perkara komersial atau syarikat.

(3) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah bertanggungjawab bagi pentadbiran harian Suruhanjaya.

(4) Menteri boleh melantik apa-apa bilangan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif sebagaimana yang perlu dan boleh membatalkan pelantikan mana-mana orang yang dilantik sedemikian.

(5) Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah tertakluk kepada arahan dan kawalan Ketua Pegawai Eksekutif dan boleh melaksanakan kewajipan Ketua Pegawai Eksekutif di bawah Akta ini.

(6) Menteri boleh melantik mana-mana orang yang disebut dalam subseksyen (4) atau mana-mana orang lain sebagaimana yang difikirkannya sesuai untuk bertindak sebagai pemangku Ketua Pegawai Eksekutif bagi tempoh apabila—

(a) jawatan Ketua Pegawai Eksekutif kosong; atau

(b) Ketua Pegawai Eksekutif, atas apa-apa sebab lain, tidak dapat melaksanakan kewajipan jawatannya.”.

### **Pindaan seksyen 17**

6. Perenggan 17(d) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “pentadbiran korporat yang baik” perkataan “dan untuk merangsang dan untuk menggalakkan tanggungjawab korporat dan kemampuan perniagaan;”.

### **Pindaan seksyen 18**

7. Subseksyen 18(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (e) perenggan yang berikut:

“(ea) untuk membuat, menjalankan dan melaksanakan program pendidikan dan latihan yang berhubungan dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;

(*eb*) untuk memberikan dan membaharui lesen di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;”.

### **Penggantian seksyen 20**

8. Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 20 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Pewakilan fungsi atau kuasa Suruhanjaya**

**20.** (1) Suruhanjaya boleh mewakili mana-mana fungsi atau kuasanya di bawah Akta ini kepada—

- (*a*) mana-mana anggota Suruhanjaya;
- (*b*) suatu jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya;
- (*c*) Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya;
- (*d*) mana-mana Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya;
- (*e*) Pendaftar; atau
- (*f*) mana-mana pekerja Suruhanjaya.

(2) Mana-mana orang yang diwakili dengan fungsi atau kuasa sedemikian hendaklah mematuhi semua syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Suruhanjaya dan semua kehendak, tatacara dan perkara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

(3) Apa-apa fungsi atau kuasa yang diwakili di bawah seksyen ini hendaklah dilaksanakan dan dijalankan atas nama dan bagi pihak Suruhanjaya.

(4) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Suruhanjaya daripada melaksanakan atau menjalankan sendiri mana-mana fungsi atau kuasa yang diwakili itu pada bila-bila masa.”.

**Bahagian baru IIIA, IIIB dan IIIC**

9. Akta ini dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian III Bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IIIA****FUNGSI DAN KUASA PENDAFTAR****Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar**

**20A.** (1) Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya hendaklah menjadi Pendaftar bagi maksud undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Suruhanjaya boleh melantik apa-apa bilangan Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar atau pekerja lain, daripada kalangan orang dalam penggajian Suruhanjaya, bagi pelaksanaan yang sepatutnya undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atas terma dan syarat yang ditentukannya dan boleh membatalkan pelantikan mana-mana orang yang dilantik sedemikian.

(3) Tertakluk kepada arahan dan kawalan am Pendaftar dan apa-apa sekatan dan batasan yang ditetapkan, apa-apa jua oleh Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang dilantik atau dibenarkan atau dikehendaki untuk dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar boleh dilakukan atau ditandatangani oleh mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dan adalah sah dan berkesan seolah-olah dilakukan atau ditandatangani oleh Pendaftar.

**Mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman akan meterai, dsb. Pendaftar, dsb.**

**20B.** Mahkamah hendaklah memberikan pengiktirafan kehakiman akan meterai dan tandatangan Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan.



BAHAGIAN IIIB

PENGELUARAN GARIS PANDUAN, NOTA AMALAN, DSB.

**Kuasa untuk mengeluarkan garis panduan, nota amalan, dsb.**

**20c.** (1) Bagi maksud Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, Suruhanjaya boleh mengeluarkan garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang difikirkannya sesuai dan boleh mengenakan apa-apa syarat atau sekatan yang difikirkan patut oleh Suruhanjaya.

(2) Seseorang yang kepadanya garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang disebut dalam subseksyen (1) terpakai hendaklah mematuhi dan melaksanakan garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling itu.

(3) Suruhanjaya boleh membatalkan, mengubah, menyemak semula atau meminda keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen ini.

**Kuasa untuk menyiarkan maklumat**

**20d.** (1) Jika Suruhanjaya atau Pendaftar fikirkan bahawa perlu atau suai manfaat demi kepentingan awam atau bagi perlindungan pemegang syer, Suruhanjaya atau Pendaftar boleh menyiarkan apa-apa maklumat dalam apa-apa bentuk atau cara berhubung dengan—

- (a) pemberian, peluputan, pembaharuan, pembatalan atau penggantungan lesen, kelulusan atau pengecualian, di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada mana-mana orang;
- (b) pengenaan syarat atau sekatan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada mana-mana orang;
- (c) apa-apa tindakan yang diambil di bawah seksyen 20E;

- (d) suatu perintah oleh Mahkamah berhubung dengan kehilangan kelayakan pengarah;
- (e) pengkompaunan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain, sama ada undang-undang Malaysia atau mana-mana wilayah atau negara di luar Malaysia;
- (f) apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang dibawa terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang lain, sama ada undang-undang Malaysia atau mana-mana wilayah atau negara di luar Malaysia, termasuklah keputusan prosiding itu; atau
- (g) apa-apa maklumat lain yang difikirkan sesuai oleh Suruhajaya atau Pendaftar demi kepentingan awam atau perlindungan pemegang syer.

(2) Suruhajaya atau Pendaftar tidak boleh menyiarkan apa-apa maklumat yang diperolehi daripada borang atau pulangan yang dikehendaki supaya diserahkan dengan Pendaftar di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

### **Kuasa untuk mengambil tindakan**

**20E.** (1) Seseorang melakukan pelanggaran jika—

- (a) dia tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) dia tidak mematuhi atau melaksanakan apa-apa garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen 20c; atau
- (c) dia tidak mematuhi atau melaksanakan apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan di bawah seksyen 20c.

(2) Jika seseorang itu telah melakukan suatu pelanggaran dan Suruhanjaya atau Pendaftar berpuas hati bahawa adalah sesuai dalam semua hal keadaan untuk mengambil tindakan terhadap orang itu, Suruhanjaya atau Pendaftar boleh mengambil mana-mana satu atau lebih tindakan yang berikut:

- (a) mengarahkan orang itu untuk mematuhi atau melaksanakan peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, garis panduan, nota amalan, notis, pekeliling, syarat atau sekatan itu;
- (b) mengenakan penalti pentadbiran, yang sepadan dengan seriusnya atau beratnya pelanggaran itu, tetapi dalam apa jua keadaan tidak melebihi lima ratus ribu ringgit;
- (c) mencela orang itu; atau
- (d) mengarahkan orang itu untuk mengambil langkah yang perlu untuk meremеди pelanggaran itu atau mengurangkan kesan pelanggaran itu, termasuklah membuat restitusi kepada mana-mana orang yang terkilan oleh pelanggaran itu.

(3) Suruhanjaya atau Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis bertulis kepada orang yang telah melakukan pelanggaran tentang niatnya untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (2) dan hendaklah memberi orang itu peluang untuk didengari.

(4) Jika orang itu tidak mematuhi arahan yang diberikan oleh Suruhanjaya atau Pendaftar di bawah perenggan (2)(a) dan (d), Suruhanjaya atau Pendaftar boleh memohon kepada Mahkamah bagi satu atau lebih perintah yang berikut:

- (a) suatu perintah yang mengarahkan orang itu untuk mematuhi arahan yang diberikan oleh Pendaftar;
- (b) suatu perintah yang mengarahkan orang itu untuk membayar apa-apa kos yang ditanggung oleh Pendaftar atau mana-mana orang lain disebabkan oleh ketidakpatuhan arahan yang diberikan oleh Pendaftar, yang timbul daripada ketidakpatuhan arahan itu; atau

(c) apa-apa perintah lain yang difikirkan sesuai oleh Mahkamah.

(5) Jika seseorang tidak membayar penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Suruhanjaya atau Pendaftar di bawah perenggan (2)(b), penalti pentadbiran yang dikenakan oleh Suruhanjaya atau Pendaftar itu boleh didapatkan sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(6) Bagi maksud perenggan (2)(d), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi kena dibuat oleh orang itu, Suruhanjaya atau Pendaftar hendaklah memberikan perhatian kepada—

(a) keuntungan yang telah terakru kepada orang itu; atau

(b) sama ada satu atau lebih orang telah mengalami kerugian atau selainnya terjejas akibat daripada pelanggaran itu.

(7) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjejaskan perjalanan mana-mana seksyen yang mengenakan hukuman ke atas mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kegagalan di bawah subseksyen (1), mahupun apa-apa kuasa yang Suruhanjaya, Pendaftar, mana-mana orang lain atau Mahkamah ada di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

### BAHAGIAN IIIc

#### PELESENAN

#### **Kuasa untuk memberikan dan membaharui lesen**

**20F.** Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk memberikan dan membaharui lesen bagi apa-apa perkara yang perlu dilesenkan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Permohonan bagi pemberian dan pembaharuan lesen**

**20G.** (1) Permohonan bagi pemberian atau pembaharuan lesen hendaklah dibuat kepada Suruhanjaya—

- (a) dalam bentuk dan cara yang dinyatakan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) dalam hal pembaharuan lesen, dibuat tidak lewat daripada tiga puluh hari, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Suruhanjaya, sebelum habis tempoh lesen itu.

(2) Suruhanjaya boleh menghendaki pemohon untuk mengemukakan maklumat atau dokumen yang difikirkan perlu oleh Suruhanjaya berhubung dengan permohonan itu.

(3) Permohonan bagi pemberian atau pembaharuan lesen hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan yang hendaklah dibayar mengikut cara yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

(4) Suruhanjaya boleh memberikan atau membaharui lesen itu jika Suruhanjaya berpendapat bahawa pemohon ialah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang lesen itu, selepas mempertimbangkan yang berikut:

- (a) peribadi, kelayakan dan pengalaman pemohon;
- (b) kepentingan awam; dan
- (c) sama ada pemohon sebelum ini telah melanggar mana-mana peruntukan Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(5) Tiap-tiap lesen yang diberikan atau diperbaharui di bawah seksyen ini adalah sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh pengeluaran atau pembaharuan lesen itu melainkan jika—

- (a) dinyatakan selainnya oleh Suruhanjaya; atau
- (b) terlebih dahulu dibatalkan oleh Suruhanjaya.

**Penggantungan lesen**

**20H.** (1) Suruhanjaya hendaklah mempunyai kuasa untuk menggantung lesen yang diberikan atau diperbaharui menurut seksyen 20F.

(2) Suruhanjaya boleh menggantung lesen yang diberikan kepada mana-mana orang jika terdapat suatu tindakan terhadap orang itu untuk menentukan—

- (a) jika terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; atau
- (b) jika terdapat pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan berhubung dengan pengeluaran lesen itu.

(3) Seseorang yang lesennya telah digantung di bawah subseksyen (1) hendaklah disifatkan seolah-olah dia tidak diberikan lesen dalam tempoh penggantungan itu bagi maksud Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

**Pembatalan lesen**

**20I.** (1) Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk membatalkan lesen yang diberikan atau diperbaharui menurut seksyen 20F atas alasan yang berikut:

- (a) pelanggaran mana-mana peruntukan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) pensabitan atas kesalahan di bawah mana-mana undang-undang lain di Malaysia;
- (c) pelanggaran apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan berhubung dengan pengeluaran lesen itu;

- (d) seseorang itu menjadi bankrap; atau
- (e) orang yang telah dilesenkan itu tidak atau berhenti menjalankan perkhidmatan atau aktiviti yang berkaitan dengan lesen itu.

(2) Suruhanjaya tidak boleh membatalkan lesen melainkan jika orang yang dilesenkan itu telah diberikan peluang untuk didengari.

### **Penyerahan lesen**

**20j.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang yang dilesenkan boleh menyerahkan lesen dengan menghantarnya kepada Suruhanjaya berserta dengan notis bertulis mengenai penyerahannya.

(2) Penyerahan lesen tidak boleh berkuat kuasa sehingga Suruhanjaya berpuas hati bahawa perkiraan yang mencukupi telah dibuat untuk memenuhi semua liabiliti dan obligasi orang yang dilesenkan itu yang masih belum diselesaikan pada masa notis penyerahan itu diberikan oleh orang yang dilesenkan itu.

(3) Penyerahan lesen yang dibuat di bawah subseksyen (1) tidak boleh berfungsi untuk mengelak atau menjejaskan apa-apa liabiliti atau obligasi yang timbul daripada apa-apa perjanjian, kontrak, transaksi atau perkiraan yang berhubungan dengan perkhidmatan atau aktiviti yang dijalankan oleh orang yang dilesenkan itu oleh sebab pemegangan lesen itu.

### **Pindaan seksyen 25**

**10.** Seksyen 25 Akta ini dipinda dengan menggantikan perkataan “mana-mana anggota atau pekerja Suruhanjaya atau mana-mana orang lain di bawah arahan Suruhanjaya” dengan perkataan “Suruhanjaya, Pendaftar, mana-mana anggota atau pekerja Suruhanjaya, pegawai awam atau mana-mana orang lain”.

**Bahagian baru IVA**

**11.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian IV Bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IVA****PERUNTUKAN PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN****Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan**

**27A.** Pendaftar hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis apa jua pangkat sebagaimana yang diperuntukkan dalam Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], kecuali kuasa untuk menangkap tanpa waran, berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa yang sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan bukannya pengurangannya.

**Kuasa untuk menghendaki maklumat**

**27B.** (1) Pendaftar boleh membuat perintah bertulis di bawah subseksyen (2) terhadap mana-mana orang jika dia mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa orang itu—

(a) mempunyai apa-apa maklumat atau dokumen yang berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; atau

(b) berupaya untuk memberikan apa-apa keterangan yang Pendaftar mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa keterangan itu adalah berkaitan dengan pelaksanaan fungsi dan kuasa Pendaftar di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Perintah di bawah subseksyen (1) boleh menghendaki orang itu—

(a) untuk memberi Pendaftar apa-apa maklumat itu;



- (b) untuk mengemukakan kepada Pendaftar apa-apa dokumen itu, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik;
- (c) untuk membuat salinan apa-apa dokumen itu dan untuk mengemukakan salinan itu kepada Pendaftar;
- (d) jika orang itu ialah seorang individu, untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik;
- (e) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan atau badan awam, untuk menyebabkan seorang pegawai yang berwajib daripada pertubuhan perbadanan atau badan awam itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik; atau
- (f) jika orang itu ialah suatu perkongsian, untuk menyebabkan seorang individu yang merupakan seorang pekongsi dalam perkongsian itu atau seorang pekerja perkongsian itu untuk hadir, pada suatu pendengaran tertutup, di hadapan Pendaftar pada masa dan di tempat yang dinyatakan dalam notis itu untuk memberikan apa-apa keterangan, sama ada secara lisan atau bertulis, dan mengemukakan apa-apa dokumen, sama ada dalam bentuk fizikal atau dalam perantara elektronik.

(3) Seseorang yang diperintahkan sedemikian di bawah subseksyen (1) hendaklah—

- (a) memberikan maklumat atau dokumen yang dikehendaki dalam masa yang dinyatakan dalam perintah atau apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar; dan

- (b) memastikan bahawa maklumat atau dokumen yang diberikan itu adalah benar, tepat dan lengkap dan hendaklah memberikan suatu representasi bagi maksud itu, termasuklah suatu representasi bahawa dia tidak mengetahui tentang apa-apa maklumat atau dokumen lain yang mungkin menjadikan maklumat atau dokumen yang diberikan itu tidak benar atau mengelirukan.

(4) Seseorang yang tidak mematuhi perintah Pendaftar di bawah seksyen ini melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk menjalankan pemeriksaan**

**27c.** (1) Bagi maksud menentukan pematuhan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau pelanggaran apa-apa garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen 20c, Pendaftar hendaklah mempunyai akses kepada mana-mana tempat atau bangunan dan boleh memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang dikehendaki untuk disimpan oleh Pendaftar atau perlu bagi maksud menentukan pematuhan mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Pendaftar boleh melalui notis secara bertulis menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain yang berada dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu.

(3) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar atau dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar di bawah seksyen ini; atau
- (b) menghalang, mengugut, mengganggu, mengacau atau menghalang Pendaftar semasa menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

### **Kuasa untuk menyasat**

**27D.** Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan penyiasatan, berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama atau apa-apa garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen 20c, jika terdapat sebab untuk mengesyaki bahawa—

- (a) suatu kesalahan atau pelanggaran telah dilakukan;
- (b) terdapat percubaan untuk melakukan suatu kesalahan atau pelanggaran; atau
- (c) terdapat komplot untuk melakukan suatu kesalahan atau pelanggaran,

berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, atau pelanggaran apa-apa garis panduan, nota amalan, notis atau pekeliling yang dikeluarkan di bawah seksyen 20c.

### **Pengeledahan dan penyitaan dengan waran**

**27E.** Menurut waran pengeledahan dan penyitaan yang dikeluarkan oleh Majistret di bawah Kanun Tatacara Jenayah, jika, oleh sebab sifat, saiz atau amaunnya, pemindahan apa-apa buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau benda yang disita di bawah seksyen ini tidak boleh dilaksanakan, Pendaftar hendaklah dengan apa-apa cara mengelak buku, akaun, dokumen, data berkomputer, papan tanda, kad, surat, risalah, lembaran, notis, kelengkapan, peralatan atau benda di dalam premis itu atau bekas yang di dalamnya ia dijumpai.

### **Pengeledahan dan penyitaan tanpa waran**

**27F.** Jika Pendaftar berpuas hati, atas maklumat yang diterima, bahawa dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelengahan dalam memperoleh suatu waran geledah daripada Majistret di bawah Kanun Tatacara Jenayah penyiasatan akan terjejas atau keterangan mengenai pelakuan suatu kesalahan mungkin diganggu, dipindahkan, dirosakkan atau dimusnahkan, Pendaftar boleh memasuki premis itu dan menjalankan di dalam, pada dan berkenaan

dengan premis itu semua kuasa yang disebut dalam seksyen 56 Kanun Tatacara Jenayah dengan sepenuhnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

### **Senarai benda yang disita**

**27G.** (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (2), jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda disita di bawah seksyen 27E dan 27F, Pendaftar hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan menyediakan suatu senarai benda yang disita dan tempat di mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu masing-masing dijumpai dan menyerahkan suatu salinan senarai itu yang ditandatangani olehnya kepada penghuni premis yang telah digeledah, atau kepada ejen atau pekerjanya, di premis itu.

(2) Jika premis itu tidak berpenghuni, Pendaftar hendaklah bilamana mungkin menampal senarai benda yang disita itu di tempat yang mudah dilihat di premis itu.

### **Pelepasan benda yang disita**

**27H.** (1) Jika apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda telah disita di bawah seksyen 27E dan 27F, Pendaftar boleh pada bila-bila masa selepas itu melepaskan kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu kepada orang yang ditentukannya sebagai berhak secara sah kepada kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu jika dia berpuas hati bahawa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu tidak dikehendaki selainnya bagi maksud mana-mana prosiding di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, atau bagi maksud apa-apa prosiding di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.

(2) Pendaftar mahupun Kerajaan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak Kerajaan atau Pendaftar tidak bertanggungjawab kepada apa-apa prosiding oleh mana-mana orang jika penyitaan dan pelepasan kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda itu telah dibuat dengan niat baik.

(3) Suatu rekod secara bertulis hendaklah dibuat oleh Pendaftar yang membuat pelepasan mana-mana kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda di bawah subseksyen (1) yang menyatakan secara terperinci hal keadaan dan sebab bagi pelepasan itu dan dia hendaklah menghantar suatu salinan rekod itu kepada Pendakwa Raya dan kepada Ketua Polis Negara dalam masa tujuh hari dari pelepasan itu.

**Kos atau ganti rugi yang timbul daripada penyitaan tidak boleh didapatkan balik**

**27I.** Tiada seorang pun boleh, dalam mana-mana prosiding di hadapan mana-mana Mahkamah berkenaan dengan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita dalam perjalanan atau berupa sebagai perjalanan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah Akta ini, berhak kepada kos prosiding itu atau kepada apa-apa ganti rugi atau relief lain melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

**Penyerahan dokumen perjalanan**

**27J.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, jika Pendaftar mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa mana-mana orang, yang menjadi subjek atau berkaitan dengan penyiasatan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, berkemungkinan meninggalkan Malaysia, Pendaftar boleh, melalui notis bertulis, menghendaki orang itu untuk menyerahkan pasport atau apa-apa dokumen perjalanan lain dalam milikannya.

(2) Seseorang yang kepadanya suatu notis di bawah subseksyen (1) disampaikan hendaklah mematuhi notis itu dengan serta-merta, jika gagal berbuat demikian, dia boleh ditangkap dan dibawa ke hadapan Majistret.

(3) Jika seseorang dibawa ke hadapan Majistret di bawah subseksyen (2), Majistret itu hendaklah, melainkan jika orang itu mematuhi notis di bawah subseksyen (1) atau memuaskan hati Majistret bahawa dia tidak memiliki dokumen perjalanan, dengan waran memasukkannya ke penjara—

(a) sehingga tamat tempoh empat belas hari dari tarikh pengkomitannya; atau

(b) sehingga dia mematuhi notis di bawah subseksyen (1),

mengikut mana-mana yang berlaku dahulu.

(4) Bagi maksud subseksyen (3), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Pendakwa Raya yang bermaksud bahawa orang itu telah mematuhi notis di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi waran yang mencukupi untuk Penguasa Penjara melepaskan orang itu.

(5) Pendaftar boleh melalui notis yang dikeluarkan kepada mana-mana pegawai imigresen, meminta agar mana-mana orang yang menjadi subjek atau berkaitan dengan penyiasatan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, dihalang daripada meninggalkan Malaysia.

(6) Pegawai imigresen, apabila diberitahu mengenai permintaan yang dibuat di bawah subseksyen (5), boleh menghendaki orang yang merupakan subjek atau berkaitan dengan penyiasatan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, untuk menyerahkan pasport atau apa-apa dokumen perjalanan lain dalam milikannya kepada pegawai imigresen.

(7) Tertakluk kepada apa-apa perintah yang dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan imigresen, “pegawai imigresen” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Imigresen 1959/63 [*Akta 155*].”.

### **Pindaan seksyen 35**

**12.** Seksyen 35 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Suruhanjaya hendaklah membayar kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan suatu amaun yang tidak melebihi tiga puluh peratus daripada lebihan tahunan semasa Suruhanjaya pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Menteri Kewangan.”.

### **Penggantian seksyen 37**

**13.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 37 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Pewakilan dalam prosiding sivil**

**37.** Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, mana-mana pegawai Suruhanjaya yang diberi kuasa oleh Pengerusi bagi pihak Suruhanjaya, boleh memulakan, hadir dalam dan menjalankan prosiding dan boleh membuat dan memasukkan semua kehadiran, perbuatan dan permohonan berkenaan dengan apa-apa prosiding sivil itu oleh atau terhadap Suruhanjaya atau mana-mana orang yang memegang jawatan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dalam melaksanakan fungsinya di bawah mana-mana undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.”.

### **Seksyen baru 37A dan 37B**

**14.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 37 seksyen yang berikut:

#### **“Penyampaian dokumen, notis, dsb.**

**37A.** Bagi maksud Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, apa-apa notis, surat atau dokumen hendaklah disifatkan telah disampaikan, jika—

(a) notis, surat atau dokumen itu ditinggalkan atau dihantar melalui pos biasa atau berdaftar—

(i) dalam hal entiti perniagaan, ke pejabat berdaftar yang terakhir diketahui atau tempat utama perniagaan berdaftarnya mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

- (ii) dalam hal seorang individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui; atau
- (b) notis, surat atau dokumen itu dihantar secara elektronik ke alamat atau nombor yang diberikan oleh entiti bagi maksud ini.

**Nilai keterangan dokumen yang dikeluarkan atas nama Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar**

**37B.** Mana-mana perakuan, notis atau apa-apa dokumen lain yang dikeluarkan, disampaikan atau diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa sewajarnya sama ada oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar, menurut Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, hendaklah ditentukan secukupnya jika nama Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar atau pegawai diberi kuasa dicetak, dicap atau selainnya ditulis padanya mengikut cara yang ditentukan oleh Ketua Pegawai Eksekutif atau Pendaftar, dan hendaklah, dalam mana-mana prosiding boleh diterima sebagai keterangan *prima facie*.”.

**Seksyen baru 38A, 38B, 38C, 38D dan 38E**

**15.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 38 seksyen yang berikut:

**“Pengkompunan kesalahan**

**38A.** (1) Pendaftar boleh, dengan keizinan secara bertulis Pendakwa Raya, mengkompun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompun kesalahan itu apabila dibayar kepada Pendaftar suatu amaun yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum bagi kesalahan itu dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran bertulis itu.

(2) Suatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan ke atasnya dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam



masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa masa lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaun di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat, dan apa-apa kelengkapan, peralatan, bahan, buku, rekod, akaun, dokumen atau benda yang disita di bawah Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang berkaitan dengan kesalahan itu boleh dilepaskan oleh Pendaftar, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut untuk dikenakan mengikut syarat-syarat kompaun.

(4) Segala wang yang diterima oleh Pendaftar di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 28.

(5) Berhubung dengan kesalahan yang boleh dikompaun di bawah subseksyen (1), Menteri boleh menetapkan kesalahan yang boleh dikompaun dan tatacara bagi pengkompaunan kesalahan itu.

### **Kesalahan oleh pertubuhan perbadanan**

**38B.** (1) Jika suatu pertubuhan perbadanan melakukan kesalahan di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, mana-mana orang pada masa pelakuan kesalahan itu ialah pengarah, pekongsi, ketua pegawai eksekutif, ketua pegawai operasi, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi pertubuhan perbadanan atau yang berupa bertindak atas mana-mana sifat sedemikian atau yang mengikut apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat bertanggungjawab bagi pengurusan apa-apa hal ehwal pertubuhan perbadanan itu atau yang membantu dalam pengurusan sedemikian—

(a) boleh dipertuduh secara berasingan atau berseksama dalam prosiding yang sama bersekali dengan pertubuhan perbadanan itu; dan

- (b) jika pertubuhan perbadanan itu didapati bersalah melakukan kesalahan itu, hendaklah disifatkan bersalah melakukan kesalahan itu melainkan jika, dengan mengambil kira jenis fungsinya atas sifat itu dan segala hal keadaan, dia membuktikan—
- (i) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuan, persetujuan atau pembiarannya; dan
  - (ii) bahawa dia telah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah dan telah menjalankan segala usaha yang wajar untuk mengelakkan pelakuan kesalahan itu.

(2) Jika mana-mana orang di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama boleh dikenakan apa-apa hukuman atau penalti untuk tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran, dia boleh dikenakan hukuman atau penalti yang sama bagi tiap-tiap tindakan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran mana-mana pekerja atau ejennya, atau pekerja ejen itu, jika perbuatan, peninggalan, kecuaiian atau keingkaran itu telah dilakukan—

- (a) oleh pekerja orang itu dalam melaksanakan pekerjaannya;
- (b) oleh ejen itu apabila bertindak bagi pihak orang itu; atau
- (c) oleh pekerja ejen itu dalam perjalanan pekerjaannya dengan ejen itu atau selainnya bagi pihak ejen itu yang bertindak bagi pihak orang itu.

### **Pemusnahan, penyembunyian, pencacatan dan pengubahan rekod**

**38c.** Seseorang yang—

- (a) memusnahkan, menyembunyikan, mencacatkan atau mengubah; atau

- (b) menghantar atau cuba untuk menghantar atau berkomplot dengan mana-mana orang lain untuk mengalihkan dari premisnya atau menghantar ke luar Malaysia,

apa-apa buku, rekod, akaun, dokumen, data berkomputer atau benda yang disimpan atau disenggarakan dengan niat untuk memfraud Suruhanjaya atau Pendaftar atau untuk menghalang, melengahkan atau menggagalkan perjalanan suatu penyiasatan atau perjalanan mana-mana kuasa oleh Suruhanjaya atau Pendaftar di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

### **Pemberian maklumat**

**38d.** (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika—

- (a) dia mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa Suruhanjaya atau Pendaftar sedang bertindak, atau bercadang untuk bertindak, berkaitan dengan suatu penyiasatan yang sedang, atau akan dijalankan di bawah atau bagi maksud Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan penyiasatan itu atau penyiasatan yang dicadangkan itu; atau
- (b) dia mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki bahawa suatu penzahiran telah dibuat kepada Suruhanjaya atau Pendaftar di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang mungkin akan menjejaskan apa-apa penyiasatan yang mungkin dijalankan berikutan dengan penzahiran itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) menjadikannya suatu kesalahan bagi seorang peguam bela dan peguam cara atau pekerjajanya untuk menzahirkan apa-apa maklumat atau perkara lain—

(a) kepada pelanggannya atau wakil pelanggannya berkaitan dengan pemberian nasihat kepada pelanggan itu dalam perjalanan dan bagi maksud khidmat profesional peguam bela dan peguam cara itu; atau

(b) kepada mana-mana orang pada menjangkakan, atau berkaitan dengan dan bagi maksud, apa-apa prosiding undang-undang.

(3) Subseksyen (2) tidaklah terpakai berhubung dengan apa-apa maklumat atau perkara lain yang dizahirkan dengan tujuan untuk melaksanakan apa-apa maksud yang menyalahi undang-undang.

(4) Dalam prosiding terhadap seseorang bagi suatu kesalahan di bawah seksyen ini, menjadi pembelaan jika orang itu membuktikan bahawa—

(a) dia tidak mengetahui atau mengesyaki bahawa penzahiran yang dibuat di bawah perenggan (1)(b) berkemungkinan menjejaskan penyiasatan itu; atau

(b) dia mempunyai kuasa sah atau alasan yang munasabah untuk membuat penzahiran itu.

## **Rayuan**

**38E.** (1) Melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama, mana-mana orang yang terkilan dengan—

(a) keengganan Suruhanjaya atau Pendaftar untuk mendaftar atau menerima apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; atau

- (b) apa-apa tindakan atau keputusan Suruhanjaya atau Pendaftar di bawah Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama,

boleh merayu kepada Menteri secara bertulis dalam masa tiga puluh hari selepas diberitahu tentang keputusan Suruhanjaya atau Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika rayuan dibuat di bawah subseksyen (1), keputusan Suruhanjaya tidak boleh berkuat kuasa sehingga rayuan itu diputuskan oleh Menteri.

(3) Dalam sesuatu rayuan, Menteri boleh mengesahkan, mengubah, mengetepikan keputusan Suruhanjaya atau membuat apa-apa keputusan yang difikirkan patut oleh Menteri.

(4) Bagi maksud seksyen ini, Menteri boleh—

- (a) membentuk suatu jawatankuasa untuk membantunya dalam mencapai keputusan itu;
- (b) meminta maklumat atau dokumentasi atau wakil peribadi daripada mana-mana orang daripadanya untuk dia berpuas hati dengan permohonan itu; dan
- (c) mengenakan apa-apa terma dan syarat yang difikirkannya patut.

(5) Seksyen ini tidak terpakai bagi apa-apa tindakan atau keputusan Suruhanjaya atau Pendaftar—

- (a) berkenaan dengan apa-apa peruntukan bersifat rayuan atau kajian semula yang jelas diperuntukkan dalam Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama; atau
- (b) yang diisytiharkan oleh Akta ini atau undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebagai terakhir dan muktamad atau termaktub dalam apa-apa dokumen yang diisytiharkan oleh Akta ini sebagai keterangan muktamad mengenai apa-apa tindakan, perkara atau benda.”.

**Penggantian seksyen 40**

**16.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 40 dengan seksyen yang berikut:

**“Peraturan-peraturan**

**40.** (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat apa-apa peraturan-peraturan yang suai manfaat atau perlu bagi melaksanakan dengan lebih baik peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi semua atau mana-mana maksud yang berikut:

- (a) kewajipan dan fungsi Pendaftar, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan pekerja lain yang dilantik untuk membantu dalam pentadbiran Akta ini dan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama;
- (b) fi dan caj di bawah Akta ini, termasuk bayaran fi dan caj dikecualikan atas apa-apa terma dan syarat yang difikirkan patut oleh Menteri;
- (c) apa-apa kehendak yang berhubungan dengan program pendidikan dan latihan untuk mana-mana pegawai sesuatu perbadanan, mana-mana orang atau golongan orang;
- (d) apa-apa perkara yang berhubungan dengan pelesenan yang dinyatakan dalam Bahagian IIIc dan tatacara berkenaan dengan rayuan; dan
- (e) semua perkara dan benda yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Akta ini supaya ditetapkan, bagi menjalankan, atau melaksanakan sepenuhnya, peruntukan Akta ini.

(3) Apa-apa perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini boleh mengadakan peruntukan apa-apa perbuatan atau peninggalan yang melanggar perundangan subsidiari dan boleh mengadakan peruntukan penalti denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.”

## **Penggantian Jadual Pertama dan Jadual Kedua**

**17.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

### “JADUAL PERTAMA

[Seksyen 11, 14, 17, 18, 20A, 20B, 20C, 20D, 20E, 20F, 20G, 20H, 20I, 22, 25, 27, 27B, 27C, 27D, 27H, 27J, 36, 37, 37A, 37B, 38B, 38C, 38E dan 40]

1. Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*]
2. Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*]
3. Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kutu 1971 [*Akta 28*]
4. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [*Akta 197*]
5. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [*Akta 743*]

### JADUAL KEDUA

[Seksyen 37]

1. Pengerusi yang dilantik di bawah seksyen 6
2. Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 11
3. Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif yang dilantik di bawah seksyen 11
4. Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah seksyen 20A”.

## **Kecualian dan peralihan**

**18.** (1) Mana-mana orang yang, sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini, merupakan Pengerusi atau anggota lain Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta ibu hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatan atau selainnya mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, terus memegang jawatan itu pada atau selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini sehingga habis tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(2) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini ialah seorang Pendaftar, Timbalan Pendaftar atau Penolong Pendaftar dalam undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, terus memegang jawatan itu pada atau selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini sehingga habis tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(3) Mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini ialah seorang Pendaftar Wilayah atau pemeriksa dalam undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah dikenali sebagai Penolong Pendaftar dan hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya atau selainnya mengosongkan jawatannya atau pelantikannya dibatalkan, terus memegang jawatan itu pada atau selepas tarikh mula berkuat kuasanya Akta ini sehingga habis tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya.

(4) Apa-apa perbuatan, perkara atau prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau rayuan yang belum selesai atau sedia ada, di bawah seksyen yang dipotong sebaik sebelum mula berkuat kuasanya Akta ini, boleh diteruskan di bawah Akta ibu seolah-olah Akta ibu tidak dipinda.